

MPKj, JPS diminta bertindak atasi masalah yang merisaukan penduduk Kajang

Jangan biar banjir kilat berulang

Oleh MOHD. ZULFADLI SHARIFUDIN

kota@utusangroup.com.my

KUALA LUMPUR 1 Okt. - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) digesa mengatasi masalah banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di sekitar pusat bandar Kajang dan memastikan kejadian tersebut tidak berulang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semenyih, Datuk Johan Abdul Aziz (**gambar**) berkata, kegagalan pihak terbabit menyelesaikan masalah tersebut menyebabkan orang ramai di Kajang hidup dalam kebimbangan setiap kali hujan.

Jelasnya, kejadian tersebut bukan suatu isu baharu sebaliknya telah berlarutan sejak bertahun-tahun lalu dan beliau difahamkan ia berpunca daripada laluan sungai yang tersekat serta sempit.

"Saya dimaklumkan ia ber-

punca daripada jajaran Sungai Jeluh di belakang bangunan Plaza Metro yang tersekat selain masalah sampah yang dibuang secara haram di sungai tersebut sekali gus menyebabkan kejadian itu.

"JPS perlu memainkan peranan untuk mengatasi masalah tersebut dengan menjalankan kajian bersesuaian. Jika tidak, bila masalah tersebut akan diselesaikan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Menurut Johan, pihak MPKj juga perlu memantau masalah sampah di kawasan

tersebut yang mengakibatkan punca berlakunya masalah banjir kilat ekoran sistem perparitan yang tersumbat.

"Saya baru sahaja mengadakan lawatan di sekitar Bandar Teknologi dan mendapati masalah sampah di belakang premis-premis amat mengecewakan kerana ia menyebabkan longkang tersumbat," ujarnya.



Air Sungai Jeluh melimpah akibat hujan lebat selama dua jam

Kajang dilanda banjir kilat

Oleh MOHAMAD HARITH MOHAMAD NIZAR
pangarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 29 Sept. - Beberapa kawasan di sekitar pusat bandar Kajang dekat sini, dilanda banjir kilat sedalam kira-kira 0.6 meter ekoran hujan lebat sejak pukul 1.30 petang ini.

Juruuap Jabatan Parit dan Saliran (JPS) Daerah Hulu Langat memberitahu, hujan lebat selama kira-kira dua jam menyebabkan paras air Sungai Jeluh meningkat secara mendadak.

Katanya, ia mengakibatkan longkang-longkang di bawah seliaan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) tidak mampu menampung limpahan air sungai sehingga beberapa lokasi di pusat bandar Kajang di-nakisi air.

"Sebanyak 50 buah kedai terjejak dalam banjir kilat itu namun tiada penduduk dipindahkan," katanya di sini, hari ini.

Berita ini di-rakap oleh wartawan dalam masa...



SERAMAGIAN kedai di pusat bandar Kajang dinaiki air semasa banjir kilat selama kira-kira 30 minit semalam.

KERATAN *Utusan Malaysia* 30 September 2014.

Tambahnya, beliau juga berharap wakil rakyat di kawasan tersebut bertindak dan mencari jalan bagi mengatasi masalah tersebut secepat mungkin.

Dalam kejadian yang berlaku petang kelmarin, beberapa kawasan di pusat bandar Kajang dinaiki air sedalam 0.6 meter ekoran paras air Sungai Jeluh yang naik mendadak

selepas hujan lebat.

Situasi itu mengakibatkan longkang-longkang di bawah seliaan MPKj tidak mampu menampung limpahan air sungai sehingga beberapa lokasi di pusat bandar Kajang dinaiki air namun, tiada kerosakan atau kemusnahan harta benda dilaporkan.

Banjir kilat lebih teruk pernah

berlaku pada Disember 2011, apabila pusat bandar Kajang dilanda banjir kilat sedalam 0.3 meter menyebabkan banyak kenderaan terperangkap dan ditenggelami air.

Beberapa premis perniagaan antaranya Plaza Metro Kajang dan Bank Hong Leong cawangan Kajang, turut dinaiki air sedalam 0.2 meter.

Abdullah Abdul mengalami kecederaan parah meninggal dunia di tempat kejadian selepas tercampak dari kenderaan yang dipandu anaknya, Mohd. Zuhri Uda Mohd. Hassan, 47.

Kemalangan itu bukan sahaja mengakibatkan Mohd. Zuhri cedera, malah isterinya, Fathiah Abd. Wahab, 47, serta empat anak mereka iaitu Nur Adhira, 14, Muhammad Amrul Hassan, 10, Nur Amirah, 21, dan Nur Adida, 25, turut mengalami rasib serupa.

Turut cedera ialah ada lelaki Mohd. Zuhri iaitu Alimul Khalid, 41, manakala penumpang hadapan kenderaan iaitu Amran Mui, 44, tidak mengalami kecederaan.

Difahamkan ketika kejadian, van jenis Toyota Hiace itu dalam perjalanan menuju Seremban Jaya dari Kuala Lumpur.

Kertua Polis Daerah, Superintendan Som Sak Din Keluar berkata, sebaik tiba di tempat kejadian, van yang dinaiki kesemua mangsa hilang kawalan sebelum berbalas ke perbukitan tetapi jatuh dalam buaian.

Kerinci...

